

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 2 APRIL 2015

RUJUKAN : 7607

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Keningau sebelum ini mempunyai Kem Pasukan Polis Hutan (PPH), bagaimanapun telah ditutup dan dialihkan ke Batalion 16 Kota Kinabalu sebagai Pasukan Gerak Am (PGA), adakah cadangan bekas tapak yang tidak berpenghuni dibangun dan mewujudkan semula satu lagi Batalion PGA untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan negeri Sabah di samping, memudahkan penghantaran anggota PGA yang berkawal di kawasan sempatan Pensiangan/ Kalimantan Indonesia demi untuk mengekang jenayah rentas sempadan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai perancangan untuk membina sebuah Pusat Latihan Polis Negeri Sabah di tapak seluas 45.9 ekar iaitu Tapak Pasukan Pengakap Sempadan.

Walau bagaimanapun, perancangan Jabatan KDN/ KA (PGA) pada ketika ini lebih tertumpu kepada kawasan di Timur Sabah iaitu kawasan operasi *ESSZONE* yang terlibat dengan Ops Daulat.